

Tiga sekeluarga maut nahas

BIM 10/6/12
MS 11.

MPV masuk laluan bertentangan di selekoh ketika hujan lebat

Oleh **Hanneeyzah Bariah Baharin**
dan **Khairul Hamizy Ramlee**
bhkt@bharian.com.my

PERMAISURI: Tiga sekeluarga maut, manakala dua parah selepas kenderaan dinaiki berlanggar dengan pikap dalam kemalangan di Kilometer 62, Jalan Kuala Terengganu-Kota Bharu, dekat Felda Chalok Rahmat di sini, petang kelmarin.

Dalam kejadian pada jam 5 petang ketika hujan lebat itu, kereta Toyota Avanza dinaiki tiga beranak terbabit bersama empat yang lain berlanggar dengan Toyota Hilux dari arah Kuala Terengganu Kota Bharu yang dipercayai masuk ke laluan bertentangan berhampiran selekoh.

Mangsa yang maut ialah pemandu Toyota Avanza, Abdul Razak Othman, 49, serta anak perempuan dan kakak mangsa, Siti Suraya Abdul Razak, 14, dan Fathillah Othman, 53, yang duduk di tempat du-

duk penumpang belakang sebelah kanan.

Mangsa yang parah, isteri Abdul Razak, Siti Fauziah Mohamad Amin, 46, dan kakaknya, Rosidah Othman, 55, sementara dua lagi anak mangsa, Mohamad Adam, 16, dan Siti Raihana, 12, hanya cedera ringan.

Siti Fauziah yang patah tangan kiri dan cedera di kepala dikejarkan ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu untuk rawatan lanjut, manakala Rosidah, Mohamad Adam dan Siti Raihana dihantar ke Hospital Setiu.

Ketua Polis Daerah Setiu, Deputi Superintendan Rohaizad Abd Ani, berkata kenderaan Toyota Avanza dalam perjalanan dari Taman Pauh Indah, Permatang Pauh, Pulau Pinang ke Kuala Terengganu untuk menziarah anak saudara mereka yang baru melahirkan bayi sulung di Gong Badak.

Manakala Toyota Hilux dipandu



SITI FAUZIAH tidak dapat menahan kesedihan selepas dimaklumkan kehilangan tiga ahli keluarga serentak di HSNZ, semalam.

seorang peniaga keropok lekor berusia 37 tahun bersama isteri dan dua anaknya dalam perjalanan dari Kuala Terengganu ke Pasir Putih, Kelantan. Bagaimanapun, keempat-empat mereka tidak mengalami kecederaan.

Siti Fauziah yang ditemui di HSNZ semalam berkata, dia tidak pasti bagaimana kemalangan itu berlaku kerana tidur ketika kejadian, sebelum mendapati dirinya sudah berada di hospital sebaik sedar.

“Saya tidak dapat menahan sebak selepas dimaklumkan saudara mengenai kematian suami, anak dan kakak ipar. Saya terkejut dengan kejadian ini apatah lagi kehilangan

tiga insan tersayang serentak,” katanya.

Siti Fauziah berkata, sebelum kejadian itu, beliau bermimpi seorang wanita memberikan tiga helai kain putih kepadanya. Dia kemudian mengerjakan solat tahajud untuk menghilangkan rasa tidak sedap hati, minggu lalu.

“Saya tidak menyangka mimpi itu membawa petanda saya akan kehilangan suami dan anak serentak,” katanya.

Sementara itu, kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 berikutan menyebabkan kematian kerana memandu dengan melulu atau membahayakan.